

MODEL KOLABORATIF BERASASKAN ANALISIS AL-QURAN DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21 PENDIDIKAN ISLAM: APLIKASI FUZZY DELPHI METHOD

(Collaborative Model based on Al-Quran Analysis in 21st Century Learning of Islamic Education: Fuzzy Delphi Method Application)

*Wan Mariana Wan Mohamad¹ & Kamarul Shukri Mat Teh¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author's email: ymariana1976@gmail.com

Article History:

Submit: 11 August 2020

Accepted: 12 November 2020

Revised: 20 December 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 2 (2020), 114-124

Abstrak

Artikel ini mengutarakan aplikasi Fuzzy Delphi Method (FDM) terhadap elemen Kebergantungan Kepada Allah dan Kerjasama Sesama Insan dalam konstruk kolaboratif bagi mereka bentuk dan membangunkan Model Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti konsensus pakar terhadap item-item kemahiran kolaboratif dalam PAK21 Pendidikan Islam, bersumberkan ayat-ayat al-Quran dengan memberi fokus kepada elemen Kebergantungan Kepada Allah dan Kerjasama Sesama Insan. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diberikan kepada 11 orang pakar dalam bidang Tafsir al-Quran dan Pendidikan Islam yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun. Dapatan kajian menunjukkan sebelas item berkaitan elemen yang dikaji telah diterima berdasarkan kesepakatan pakar. Item-item tersebut menepati syarat penerimaan dengan nilai threshold (d) adalah kurang daripada 0.2, peratus kesepakatan pakar adalah melebihi 75% dan nilai defuzzification adalah melebihi 0.5. Hasil kajian ini berjaya membentuk Model Kolaboratif PAK21 Pendidikan Islam.

Kata kunci: Kolaboratif, Al-Quran, Abad ke-21, Pendidikan Islam, Fuzzy Delphi.

Abstract

This article highlights the application of the Fuzzy Delphi Method (FDM) to the elements of reliance on Allah and human cooperation in collaborative constructs to design and develop the 21st Century Learning Model (PAK21) Islamic Education based on Quran content analysis. This study aims to identify the consensus of experts on the items of collaborative skills in PAK21 Islamic Education, sourced from the verses of the Quran by focusing on the elements of reliance on Allah and human cooperation. The data were collected using a questionnaire instrument that was given to 11 experts in the field of Quranic Exegesis and Islamic Education who have served in their field for more than 10 years. The findings of the study show that eleven items of reliance on Allah and human cooperation have been accepted based on expert's agreement. The items meet the acceptance condition with the threshold value (d) is less than 0.2, the percentage of expert agreement is more than 75% and the value of defuzzification is more than 0.5. The result of this study successfully formed a model of reliance on Allah and human cooperation in collaborative skills for PAK21 Islamic Education.

Keywords: Collaborative, The Quran, 21st Century, Islamic Education, Fuzzy Delphi.

1.0 PENGENALAN

Kemahiran kolaboratif merupakan satu pendekatan pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran yang telah menjadi trend di abad ke-21 ini. Kemahiran ini merujuk kepada penglibatan sekumpulan murid dari pelbagai tahap prestasi bekerjasama ke arah tujuan bersama untuk menyelesaikan sesuatu masalah, menyelesaikan tugas atau menghasilkan sesuatu produk (Alario-hoyos et al., 2014; Chan, Wan, & Ko, 2019; Cheung & Vogel, 2013; Khairah@ Asma'a, Saedah Siraj & Ghani, 2017; Laal & Laal, 2012; Normah, Nor Azhan, 2017; Sam & George Tan, 2011; Van Laar, J.A.M. Van Deursen, Van Dijk, & De Haan, 2017) Aktiviti pembelajaran dalam kemahiran kolaboratif adalah berbeza-beza, namun kebanyakannya adalah berpusat pada penerokaan atau penggunaan bahan pembelajaran oleh murid dan bukan lagi sekadar persembahan atau penjelasan oleh guru. Sebagai contoh dalam penerapan kemahiran kolaboratif ini, aktiviti mendengar kuliah dan mencatat nota berdasarkan penerangan guru mungkin tidak hilang sepenuhnya, tetapi ia berjalan beriring dengan proses lain yang menuntut kepada perbincangan sesama murid dan kerja aktif mereka berinteraksi dengan bahan pembelajaran. Ini bererti pembelajaran kini lebih menuntut kepada daya usaha aktif murid sesama mereka bersama bimbingan guru (Molinillo, Aguilar-Illescas, Anaya-Sánchez, & Vallespín-Arán, 2018) kerana gaya pembelajaran telah beralih daripada penekanan usaha individu kepada usaha bekerja dalam kumpulan.

Lima elemen asas yang terlibat dalam pembelajaran untuk memupuk kemahiran kolaboratif ialah i) saling bergantung positif antara satu sama lain, ii) akauntabiliti individu dan kumpulan, iii) kemahiran kumpulan interpersonal dan kumpulan kecil, iv) interaksi bersemuka sama ada dalam talian atau secara langsung, dan iv) pemprosesan maklumat secara berkumpulan (Laal, Laal, & Kermanshahi, 2012). Hasil kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam kuantiti dan kualiti aktiviti pembinaan pengetahuan oleh murid, pemantauan yang berkaitan dengan tugas dan penggunaan hasil tugas antara kumpulan aktif yang mempraktikkan kemahiran kolaboratif berbanding kumpulan yang lebih pasif. Malah kumpulan aktif ini juga lebih memahami isi kandungan pembelajaran dan menggunakan bahan pembelajaran dengan lebih teliti dalam menyokong pembelajaran mereka (Vuopala, Näykki, Isohätälä, & Järvelä, 2019).

Oleh yang demikian dalam persekitaran pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan kemahiran kolaboratif ini, murid-murid sewajarnya dididik dengan memberi peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sebaya, menyajikan dan mempertahankan idea, bertukar kepercayaan yang pelbagai dan menyoal secara aktif. Pada saat inilah guru lebih berfungsi sebagai perancang pakar dengan pengalaman intelektual untuk mengatur pembelajaran murid-murid mereka. Ini adalah kerana terdapat bukti yang meyakinkan bahawa kumpulan murid yang mengamalkan kemahiran kolaboratif ini mencapai tahap pemikiran yang lebih tinggi, memperoleh lebih banyak pengetahuan dan mengekalkan maklumat lebih lama daripada pelajar yang bekerja secara sendirian (Bhat, Bhat, Raju, D'Souza, & K.G., 2020; Tan, 2019). Hal ini terdapat disebabkan oleh akauntabiliti iaitu rasa kebertanggungjawab untuk menjayakan pembelajaran mereka sendiri dengan kerjasama bersama rakan sebaya hingga berupaya menjadi murid seorang pemikir yang kritis dan berdaya saing.

2.0 KEMAHIRAN KOLABORATIF DALAM AL-QURAN

Perkataan kolaboratif tidak disebut secara khusus di dalam al-Quran. Namun apabila diteliti menerusi paparan ayat-ayat suci al-Quran bertemakan kolaboratif tersebut, didapati ianya merujuk kepada elemen bekerjasama dalam sesuatu perkara kebaikan sebagaimana perintah Allah S.W.T supaya saling tolong-menolong dalam melakukan perkara kebaikan dan takwa serta tidak tolong-menolong dalam perkara maksiat dan permusuhan (al-Maidah, 5: 2). Konsep kolaboratif yang diperbincangkan di sini adalah kolaboratif dalam pembelajaran bertujuan untuk memantapkan lagi pembelajaran murid berdasarkan hasil penelitian dan proses mengambil iktibar daripada ayat-ayat suci al-Quran.

Apabila disoroti ayat-ayat al-Quran, didapati kemahiran kolaboratif dalam konteks kajian ini sangat berkait rapat dengan perkataan *الصحة*, iaitu persahabatan. Ini adalah kerana segala aktiviti pembelajaran murid dalam memupuk kemahiran kolaboratif adalah tertumpu kepada perhubungan antara seorang murid dengan sahabatnya dalam menjayakan pembelajaran mereka. Tidak akan wujud kolaboratif tanpa sahabat untuk berhubung dan berinteraksi ketika proses pembelajaran. Sehubungan dengan itu Allah S.W.T telah mencirikan sahabat-sahabat yang karib di hari kiamat kelak iaitu orang-orang bertakwa yang tidak akan bermusuhan sesama mereka (al-Zukhruf, 43: 67) dan mengingatkan manusia agar tidak memilih sahabat yang menyekat diri mereka dari jalan Allah S.W.T. Golongan ini diceritakan oleh Allah S.W.T

akan menggigit kedua-dua tangannya di hari akhirat kerana menyesali nasibnya akibat memilih sahabat yang buruk dan tidak mengikut ajaran rasul (al-Furqan, 25: 27-28).

Sesungguhnya perkataan sahabat di dalam al-Quran didatangkan dalam pelbagai lafaz seperti *الصاحب* (al-Taubah, 9: 40) *الصدیق* (al-Syua'ra, 26: 101) *الخلیل* (al-Furqan, 25: 28) *الحمیم* (al-Haqqah, 69: 35) *الأخوة* (Ali-Imran, 3: 103) *الرفیق* (al-Nisa', 4: 69) yang membawa maksud seseorang yang sentiasa dilazimi bersamanya (Al-Isfahani, 2007). Sebagai contoh Allah SWT menggunakan perkataan *الصاحب* merujuk kepada sahabat Rasulullah S.A.W iaitu Saidina Abu Bakar as-Siddiq ketika bersama-sama baginda melarikan diri daripada buruan orang kafir Quraisy. Pujukan baginda S.A.W kepada sahabatnya itu supaya tidak bersedih kerana Allah S.W.T ada bersama-sama mereka (al-Taubah, 9: 40) merupakan kata-kata penuh motivasi yang sangat penting ketika berkolaboratif dalam perkara kebaikan. Perkataan *الرفیق* pula digunakan oleh Allah S.W.T ketika menyuntik semangat orang-orang yang taat kepada Allah S.W.T dan Rasul-Nya, dikhabarkan kepada mereka akan ditempatkan di dalam syurga bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah S.W.T kepada mereka, iaitu para nabi, siddiqin, syuhada' dan orang-orang yang soleh yang akan menjadi teman mereka (al-Nisa', 4: 69).

Di samping itu, elemen kolaboratif juga dikemukakan oleh Allah SWT dalam bentuk penceritaan untuk menarik hati pendengar dan memberi kesan yang lebih mendalam kepada jiwa (Az-Zuhaili, 2018). Contohnya dibawakan kisah Zulkarnain, seorang raja yang beriman kepada Allah S.W.T telah berkolaborasi dengan rakyatnya dalam menyediakan alat-alatan dan tenaga kerja untuk membina tembok besi yang kukuh bagi menyelamatkan diri mereka daripada kekejaman Yakjuj dan Makjuj (al-Kahfi, 20:92-98). Nabi Musa A.S dan Nabi Harun A.S turut berkolaboratif ketika berdakwah kepada Firaun dengan membawa mukjizat-mukjizat kurniaan-Nya sebagai bukti (Taha, 20:42-47). Nabi Sulaiman A.S juga berkolaboratif dengan rakyat di bawah kekuasaannya termasuk golongan jin yang bekerja untuk baginda A.S dalam membina bangunan-bangunan yang tinggi, patung-patung, pinggan-pinggan yang besar seperti kolam dan periuk-periuk yang berada di atas tungku (Saba', 34:13). Hasil daripada amalan kolaboratif ini telah menyemarakkan lagi semangat berjemaah dalam melakukan sesuatu perkara seperti mana perintah Rasulullah S.A.W yang bermaksud: "Hendaklah engkau tetap dalam jemaah kaum Muslimin dan mengikuti imam (pemimpin) mereka" (al-Bukhari, 4: 1873).

Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa elemen kolaboratif di dalam al-Quran boleh diaplikasikan dalam usaha untuk menjayakan matlamat yang baik secara bersama demi kerana Allah S.W.T. Kemahiran ini dapat dicapai melalui usaha gigih menyelesaikan sesuatu masalah secara berjemaah, saling berganding bahu untuk meringankan sesuatu tugas, saling menguatkan antara satu sama lain agar kejayaan dapat dicapai dengan lebih mudah. Amalan-amalan ini boleh diterapkan kepada murid-murid dalam menjayakan proses pembelajaran mereka agar hasil pembelajaran dapat dicapai secara optimum.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesepakatan pakar terhadap item-item kemahiran kolaboratif dalam PAK21 Pendidikan Islam hasil daripada analisis ayat-ayat al-Quran yang bertemakan kolaboratif. Pengesahan ini dilakukan oleh 11 orang pakar menerusi aplikasi teknik *Fuzzy Delphi*.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui dua langkah. Pertama, secara kualitatif iaitu analisis kandungan al-Quran dalam mengenal pasti ayat-ayat yang berkaitan dengan kemahiran kolaboratif di dalam al-Quran dan seterusnya instrumen tersebut disahkan oleh empat orang pakar Tafsir al-Quran. Kedua, secara semi kuantitatif iaitu satu soal selidik berskala likert 7 dibentuk daripada instrumen analisis kandungan al-Quran itu dan diberikan kepada 11 orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengajian Tafsir al-Quran untuk melihat kesepakatan mereka. Kesepakatan pakar terhadap penerimaan item-item yang membentuk model berdasarkan *FDM* adalah bersandarkan kepada 3 syarat utama iaitu:

- Nilai threshold (d) mestilah lebih kecil atau sama dengan nilai 0.2 (Chang, Hsu, & Chang, 2011; Cheng & Lin, 2002)
- Peratusan konsensus pakar mestilah menyamai atau melebihi nilai 75% (Chu & Hwang, 2008; Murry Jr & Hammons, 1995)
- Nilai defuzzification mestilah menyamai 0.5 dan ke atas (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Nilai defuzzification ini juga dikenali sebagai nilai skor fuzzy. Nilai skor fuzzy ini yang

menentukan kedudukan keutamaan item. Semakin tinggi nilai skor fuzzy, semakin tinggi keutamaan item tersebut dalam sesuatu konstruk.

- d) Seterusnya data tersebut dianalisis menggunakan Fuzzy Delphi Method (FDM).

5.0 DAPATAN KAJIAN

Barisan panel pakar FDM yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan bidang kerja dan kelayakan akademik dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Pakar

BIL	PERKARA	MAKLUMAT DEMOGRAFI	BILANGAN	(%)
1	Bidang Kerja	Pensyarah IPTA/IPTS	3	27.3
		Pensyarah IPG/Kolej/Politeknik	2	18.2
		Jemaah Nazir	1	9.1
		Pegawai KPM/Penggubal Kurikulum Pendidikan Islam	2	18.2
		Guru Cemerlang Pend Islam	1	9.1
		Jurulatih Utama PAK21/ KSSM Pend Islam	2	18.2
2	Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	2	18.2
		Ijazah Sarjana	3	27.3
		Ijazah Doktor Falsafah	6	54.5
JUMLAH			11	100.0

Kesepakatan pakar terhadap item-item kemahiran kolaboratif adalah tertumpu kepada dua elemen utama yang didapati hasil daripada analisis kandungan ayat-ayat suci al-Quran seperti berikut:

5.1 Kebergantungan Kepada Allah

Analisis dapatan item-item berkaitan Kebergantungan Kepada Allah dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Elemen Kebergantungan Kepada Allah

PAKAR	ITEM KEMAHIRAN KOLABORATIF KEBERGANTUNGAN KEPADA ALLAH (KKA)		
	KKA1	KKA2	KKA3
Profesor (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.028
Profesor Madya (PhD Tafsir al-Quran)	0.014	0.014	0.028
Pensyarah Kanan UA (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.125
Pensyarah IPG (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.028
Pensyarah Politeknik (PhD Pend Islam)	0.139	0.139	0.125
Pegawai IPGM (PhD Pend Islam)	0.014	0.014	0.028
Penggubal Kurikulum (Sarjana P. Islam)	0.014	0.014	0.028
Pegawai Jemaah Nazir (Sarjana P. Islam)	0.014	0.014	0.028
JUK KSSM P. Islam (Sarjana P. Islam)	0.014	0.014	0.028
JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.014	0.028
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.014	0.014	0.028
Nilai Threshold (d) setiap item	0.025	0.025	0.045
Nilai Threshold (d) konstruk	0.032		
Peratus Kesepakatan Setiap Item	100%	100%	100%
Peratus Keseluruhan Kesepakatan	100%		
Nilai Defuzzification (Average of Fuzzy Number)	0.958	0.958	0.948
*Interpretasi	/	/	/
Kedudukan (Ranking)	1	1	3

Nota: ***Interpretasi** (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan kesepakatan pakar tersebut, item-item ini disusun mengikut keutamaan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Susunan Item Kebergantungan Kepada Allah Mengikut Keutamaan

SUSUNAN MENGIKUT KEUTAMAAN	ITEM	SURAH & AYAT
1	Melatih murid memohon dimudahkan tugas oleh Allah (KKA1)	20:25-26
1	Melatih murid bertasbih kepada Allah ketika berkolaboratif (KKA2)	20:31-34
3	Melatih murid meminta bantuan daripada Allah (KKA3)	2:250

5.2 Kerjasama Sesama Insan

Hasil analisis item-item Kerjasama Sesama Insan dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Item Kerjasama Sesama Insan

PAKAR	ITEM KEMAHIRAN KOLABORATIF KERJASAMA SESAMA INSAN (KSI)							
	KSI1	KSI2	KSI3	KSI4	KSI5	KSI6	KSI7	KSI8
Profesor (PhD Pend Islam)	0.307	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
Profesor Madya (PhD Tafsir al-Quran)	0.084	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
Pensyarah Kanan UA (PhD Pend Islam)	0.084	0.063	0.120	0.049	0.048	0.049	0.063	0.078
Pensyarah IPG (PhD Pend Islam)	0.084	0.063	0.051	0.049	0.048	0.049	0.063	0.076
Pensyarah Politeknik (PhD Pend Islam)	0.307	0.330	0.272	0.049	0.546	0.106	0.330	0.317
Pegawai IPGM (PhD Pend Islam)	0.084	0.092	0.272	0.281	0.256	0.049	0.092	0.078
Penggubal Kurikulum (Sarjana Pend Islam)	0.084	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
Pegawai Jemaah Nazir (Sarjana P. Islam)	0.084	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
JUK KSSM P. Islam (Sarjana Pend Islam)	0.084	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
JUK PAK21 P. Islam (Sarjana Muda PAI)	0.084	0.063	0.120	0.111	0.136	0.049	0.063	0.076
Guru Cemerlang (Sarjana Muda PAI)	0.075	0.092	0.272	0.281	0.048	0.343	0.092	0.078
Nilai Threshold (d) setiap item	0.124	0.092	0.155	0.125	0.160	0.081	0.092	0.099
Peratus Kesepakatan Pakar Setiap Item	82%	91%	100%	100%	91%	91%	91%	91%
Nilai Defuzzification (Average of Fuzzy Number)	0.909	0.924	0.885	0.891	0.873	0.933	0.924	0.915
*Interpretasi	/	/	/	/	/	/	/	/
Kedudukan (Ranking)	5	2	7	6	8	1	2	4

Nota: ***Interpretasi** (/= TERIMA), (X=TOLAK)

Berdasarkan kesepakatan pakar tersebut, item-item tersebut disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Susunan Item Kerjasama Sesama Insan Mengikut Keutamaan

SUSUNAN MENGIKUT KEUTAMAAN	ITEM	SURAH & AYAT
1	Mendidik murid menyerahkan tugas kepada orang yang berkaliber (KSI6)	7:142

2	Memberi bimbingan kepada murid dalam memperbaiki hubungan antara sahabat (KSI2)	8:1
2	Menggalakkan murid mengobarkan semangat bersama ke arah kejayaan (KSI7)	8:65
4	Menasihati murid supaya tidak terpengaruh dengan perkara keburukan (KSI8)	7:142
5	Memberi tunjuk ajar kepada murid memilih sahabat yang baik untuk bekerjasama (KSI1)	43:67
6	Melatih murid sentiasa sedia bekerjasama ke arah perkara kebaikan (KSI4)	36:14
7	Melatih murid menawarkan khidmat (pertolongan) secara sukarela (KSI3)	61:14
8	Membimbing murid mengagihkan tugas berdasarkan kemahiran masing-masing (KSI5)	34:12

Secara keseluruhannya sebanyak 11 item berkaitan kemahiran kolaboratif meliputi elemen Kebergantungan Kepada Allah dan Kerjasama Sesama Insan telah mendapat konsensus pakar untuk diterima.


6.0 RUMUSAN KESEPAKATAN PAKAR TERHADAP ITEM

Kesemua 11 item berkaitan elemen Kebergantungan Kepada Allah dan Kerjasama Sesama Insan telah mendapat kesepakatan pakar dalam membentuk Model Kolaboratif PAK21 Pendidikan Islam berasaskan analisis kandungan al-Quran. Item-item yang telah dipersetujui oleh pakar-pakar ini telah disusun mengikut keutamaan berpandukan kepada nilai defuzzification seperti pada Jadual 6. Nilai defuzzification ini disusun mengikut urutan daripada nilai tertinggi kepada nilai yang terendah untuk menunjukkan keutamaan kesepakatan pandangan pakar.

Jadual 6: Susunan keutamaan empat aspek komunikasi berdasarkan nilai *defuzzification*

KEMAHIRAN KOLABORATIF		NILAI Defuzzification	Nilai Threshold (d)	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar
KEBERGANTUNGAN KEPADA ALLAH		0.954	0.032	100%
1	Melatih murid memohon dimudahkan tugas oleh Allah	0.958	0.025	100%
2	Melatih murid bertasbih kepada Allah ketika berkolaboratif	0.958	0.025	100%
3	Melatih murid meminta bantuan daripada Allah	0.948	0.045	100%
KERJASAMA SESAMA INSAN		0.907	0.116	92%
1	Mendidik murid menyerahkan tugas kepada orang yang berkaliber	0.933	0.081	91%
2	Memberi bimbingan kepada murid dalam memperbaiki hubungan antara sahabat	0.924	0.092	91%
3	Menggalakkan murid mengobarkan semangat bersama ke arah kejayaan	0.924	0.092	91%
4	Menasihati murid supaya tidak terpengaruh dengan perkara keburukan	0.915	0.099	91%
5	Memberi tunjuk ajar kepada murid memilih sahabat yang baik untuk bekerjasama	0.909	0.124	82%
6	Melatih murid sentiasa sedia bekerjasama ke arah perkara kebaikan	0.891	0.125	100%
7	Melatih murid menawarkan khidmat (pertolongan) secara sukarela	0.885	0.155	100%
8	Membimbing murid mengagihkan tugas berdasarkan kemahiran masing-masing	0.873	0.160	91%

Hasil daripada konsensus pakar ini telah berjaya membentuk Model Kolaboratif Berasaskan Analisis Kandungan al-Quran dalam PAK21 Pendidikan Islam yang terdiri daripada elemen Kebergantungan Kepada Allah dan Kerjasama Sesama Insan seperti pada Rajah 1.



Rajah 1: Model Kolaboratif Berasaskan Analisis Kandungan al-Quran dalam PAK21 Pendidikan Islam

7.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Kemahiran kolaboratif yang dikemukakan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran ini dapat diaplikasikan dengan sebaiknya apabila wujudnya elemen kebergantungan kepada Allah dan kerjasama sesama insan sebagaimana perbincangan berikut:

7.1 Kebergantungan Kepada Allah

Elemen kebergantungan kepada Allah S.W.T bermaksud meletakkan pengharapan yang tinggi kepada Allah S.W.T dalam melakukan sesuatu perkara. Elemen ini merupakan aspek kemahiran kolaboratif paling utama yang perlu diterapkan dalam diri murid menerusi PAK21 Pendidikan Islam. Ia merupakan salah satu aspek spiritual yang penting dan menduduki tahap utama dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah S.W.T (Bonab & Koohsar, 2011). Item paling utama pada pandangan pakar berkaitan elemen kebergantungan kepada Allah S.W.T ialah item mendidik murid supaya sentiasa memohon dimudahkan tugas oleh Allah sebelum menjalankan sebarang aktiviti pembelajaran secara berkolaborasi. Seperti mana doa Nabi Musa A.S memohon empat perkara ketika berkolaboratif dengan Nabi Harun A.S ketika berdakwah: "*Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku dadaku, mudahkanlah bagiku tugasku, lepaskanlah simpulan dari lidahku supaya mereka faham perkataanku dan jadikanlah bagiku seorang penyokong dari keluargaku iaitu Harun saudaraku*" (Taha, 20:25-30). Antara sebab permintaan Nabi Musa A.S ini adalah apabila baginda menyedari pada dirinya terdapat kelemahan yang perlu diperkuatkan melalui kolaborasi atau kerjasama dengan saudaranya iaitu Nabi Harun A.S untuk menjalankan tugas dengan sempurna dalam merealisasikan tujuan dakwahnya dengan terbaik (Az-Zuhaili, 2018).

Sehubungan dengan itu, pakar turut bersepatat bahawa kemahiran kolaboratif akan berjaya diterapkan pada murid melalui latihan bertasbih kepada Allah ketika berkolaboratif dan juga sentiasa menyebut dan mengingatkan Allah SWT melalui zikir kepada-Nya sebagaimana amalan Nabi Musa A.S dan Nabi Harun A.S (Taha, 20:31-34). Menyebut nama Allah melalui berzikir dapat mengukuhkan keterikatan hati seseorang murid dengan Allah S.W.T kerana ia dapat menimbulkan rasa tenang (al-Ra'd, 13:28) dan menghadirkan kekuatan hati dan fizikal disebabkan ianya juga merupakan makanan jiwa dan mental yang menyumbang kepada ketahanan spiritual individu (Faisal Muhammad Nur, 2017). Bahkan zikir juga merupakan bukti pengiktirafan seorang hamba yang sebenar di sisi Tuhannya. Sebagaimana Allah S.W.T telah berfirman di dalam sebuah Hadis Qudsi: "*Sesungguhnya hamba-Ku yang sebenar adalah yang selalu ingat kepada-Ku meskipun di saat dia sedang menghadapi musuh*". Sya'rawi (2005) menyatakan berzikir ini merupakan

alasan mengapa Nabi Harun A.S berkolaboratif dengan saudaranya Nabi Musa A.S dalam misi dakwah mereka dengan turut menggabungkan usaha mereka dengan mentaati Allah S.W.T, memuji-Nya dan menyebut-Nya.

Dalam memupuk kemahiran kolaboratif juga, guru perlu melatih murid meminta bantuan daripada Allah S.W.T untuk menjayakan hasil pembelajaran mereka. Inilah iktibar daripada kemahiran kolaboratif yang dipraktikkan oleh pasukan tentera yang beriman, iaitu pasukan Thalut ketika melawan pasukan tentera Jalut (al-Baqarah, 2:250). Selain memohon bantuan daripada Allah S.W.T, mereka juga menjaga adab-adab ketika berhadapan dengan musuh, iaitu i) Keras hati dengan mengukuhkan jiwa untuk tetap bertahan, ii) Berzikir kepada Allah S.W.T dengan sebanyaknya, iii) Taat kepada Allah dan Rasul dalam setiap keadaan, iv) Kesatuan barisan, visi dan misi bersama dan v) Sabar terhadap pelbagai kesulitan. Adab dan keyakinan terhadap kebergantungan kepada Allah S.W.T sebagai Tuhan Yang Maha Kuasa serta rintihan doa luar biasa yang mengandungi kebijaksanaan dan keteguhan adalah punca kejayaan orang yang beriman dalam sesuatu kerjasama (az-Zuhaili, 2018). Hal ini membuktikan kebergantungan kepada Allah S.W.T dan kerjasama sesama ahli pasukan merupakan dua elemen penting dalam mencapai kejayaan.

7.2 Kerjasama Sesama Insan

Elemen kerjasama sesama insan bermaksud melakukan sesuatu kerja secara bersama-sama dan saling membantu antara seorang individu dengan individu yang lain. Dalam konteks pembelajaran murid, aktiviti kolaboratif memerlukan murid bekerjasama dengan murid lain untuk mencapai sesuatu matlamat melalui kebolehan untuk bekerja dengan berkesan, menghormati orang lain, berupaya menunjukkan fleksibiliti, kesanggupan untuk berkompromi, menerima tanggungjawab bersama untuk kerja kolaboratif dan menghargai sumbangan setiap ahli kumpulan (Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21, 2017).

Pada pandangan pakar berkaitan elemen kerjasama sesama insan, item yang mendapat kesepakatan paling tinggi ialah item mendidik murid menyerahkan tugas kepada orang yang berkaliber ketika berkolaboratif untuk menghasilkan prestasi terbaik. Sebagaimana Nabi Musa A.S telah memilih Nabi Harun A.S untuk menggantikannya menjalankan tugas dakwah kepada Bani Israil sepeninggalannya mengasingkan diri selama 40 hari sebelum menerima kitab Taurat dengan katanya: "*Gantikanlah aku dalam (urusan memimpin) kaumku dan perbaikilah (keadaan mereka sepeninggalanku)*" (al-A'raaf, 7:142). Pada pandangan Nabi Musa A.S, Nabi Harun A.S adalah orang yang paling layak untuk dipilih kerana baginda juga merupakan seorang nabi utusan Allah S.W.T, mengetahui tabiat Bani Israil yang cerewet dan mudah menerima nasihat Nabi Musa A.S (Sayyid Qutb, 2010).

Item guru memberi bimbingan kepada murid dalam memperbaiki hubungan antara sahabat menduduki tempat kedua berdasarkan kesepakatan pakar. Iktibar daripada perintah Allah S.W.T tatkala sahabat bertanya tentang pembahagian harta rampasan perang Badar dengan kata-Nya: "Bertaqwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah keadaan perhubungan di antara kamu, serta taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya" (al-Anfal, 8:1). Didikan Rabbaniyyah dan tarbiyyah praktikal yang diguna oleh Allah S.W.T ini melalui jalinan hubungan yang baik sesama sahabat dan ketaatan kepada pemimpin telah membawa kejayaan cemerlang dalam perang tersebut (Sayyid Qutb, 2010). Seperti kata Hasan al-Basri: Perbanyakkan kawan-kawan kamu daripada orang-orang yang beriman kerana mereka boleh memberi syafaat kepada kamu di hari akhirat kelak. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif aktif mengukuhkan hubungan antara rakan dan prestasi pembelajaran murid serta menyumbang kepada tahap keseronokan yang tinggi (Chan et al., 2019).

Kemahiran kolaboratif juga dapat dipupuk melalui peranan guru menggalakkan murid mengobarkan semangat bersama ke arah kejayaan seperti kata-kata semangat dari Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad SAW: *Wahai Nabi, peransangkanlah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir* (al-Anfal, 8:65). Begitu juga dalam pertempuran pasukan tentera beriman Thalut dan orang-orang beriman yang meyakini akan berjumpa Allah S.W.T, iaitu mereka yang menunggu antara dua hal yang terbaik iaitu menang atas musuh dengan memiliki pahala yang besar atau mati syahid di jalan Allah S.W.T (Az-Zuhaili, 2018) telah menasihati mereka yang lemah semangat. Tatkala ada dalam kalangan mereka telah mengatakan bahawa mereka tidak kuat lagi untuk menewaskan Jalut dan bala tenteranya, maka dibalas oleh mereka yang beriman tersebut bahawa betapa banyak kelompok yang kecil telah berjaya mengalahkan kelompok yang besar dengan izin Allah S.W.T (al-Baqarah, 2: 249). Hasilnya menunjukkan sokongan emosi dalam kumpulan menjadi tonggak asas dalam pembelajaran kolaboratif (Hernández-Sellés, Pablo-César Muñoz-Carril, & González-Sanmamed, 2019).

Oleh sebab itulah item guru memberi tunjuk ajar kepada murid memilih sahabat yang baik berdasarkan takwa untuk bekerjasama (al-Zukhruf, 43:67) turut mendapat kesepakatan dari pakar. Ini adalah kerana sahabat yang baik bukan sekadar membantu dalam proses pembelajaran mereka bahkan turut berperanan sebagai pemberi syafaat di hari akhirat. Sebagaimana orang-orang yang sesat di dalam neraka bertengkar kerana menyesal tidak ada teman akrab yang baik di dunia untuk memberi pertolongan kepada mereka ketika di hari akhirat (al-Syu'ara', 26:100-101). Sehubungan dengan itu, item melatih murid sentiasa sedia bekerjasama ke arah perkara kebaikan sesama mereka juga disepakati oleh pakar. Inilah pengajaran daripada kisah Ashabul Qaryah bersama 3 orang rasul yang diutus untuk berdakwah ke jalan Allah S.W.T yang berkolaboratif dalam mentauhidkan Allah S.W.T (Yaasin, 36:14).

Bahkan menasihati murid supaya tidak terpengaruh dengan perkara keburukan semasa berkolaboratif juga penting sebagaimana nasihat Nabi Musa A.S kepada Nabi Harun A.S dengan katanya "*Janganlah engkau menurut jalan orang-orang yang melakukan kerosakan*" (al-A'raaf, 7:142). Inilah antara aspek penting dalam kemahiran kolaboratif menurut al-Quran yang membawa kepada kejayaan, iaitu mencegah kemungkaran di samping menyeru kepada kebaikan (Ali Imran, 3:104). Disebabkan oleh peranan penting ini, Allah S.W.T telah memberi pengiktirafan kepada umat Nabi Muhammad S.A.W sebagai sebaik-baik umat (Ali Imran, 3:110). Tanggungjawab ini perlu dititikberatkan oleh guru ketika menerapkan kemahiran kolaboratif kerana setiap tanggungjawab bukan hanya berakhir di dunia malah dibawa ke hari akhirat untuk diadili. Seperti digambarkan oleh Allah S.W.T bahawa penghuni neraka berkata: "*Wahai Tuhan kami! Perlihatkanlah kepada kami dua golongan yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia, untuk kami meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami, supaya mereka menjadi golongan yang terkebawah dalam kebinaan*" (Fussilat, 41:29). Permohonan ini bermaksud agar Allah S.W.T melipatgandakan seksa jin dan manusia yang menjadi penyebab awal mereka tersesat sebagai tanda membalas dendam dengan menginjak mereka hingga menjadi makhluk paling hina di tingkat neraka paling bawah (Az-Zuhaili, 2018).

Selain itu, pakar turut bersepakat terhadap item melatih murid menawarkan khidmat dan pertolongan secara sukarela ketika berkolaboratif. Allah S.W.T memerintah kepada orang-orang yang beriman supaya menjadikan diri mereka sebagai pembela-pembela agama Allah S.W.T sebagaimana penyokong-penyokong Nabi Isa A.S yang telah membantu baginda. Implikasinya kemenangan telah berpihak kepada orang-orang yang beriman, hasil daripada sifat ringan tulang orang-orang yang beriman dan pertolongan Allah S.W.T (al-Saff, 61:14).

Item terakhir yang mendapat kesepakatan pakar ialah membimbing murid mengagihkan tugas berdasarkan kemahiran masing-masing ketika berkolaboratif seperti kisah Nabi Sulaiman A.S. Baginda telah dikurniakan kebijaksanaan oleh Allah S.W.T (al-Anbiya', 21:79) dengan menundukkan angin yang diamanahkan untuk menjalankan tugas sebagai kenderaan baginda. Angin tersebut bergerak dengan membawa dan menerbangkan permaidani milik baginda, sesuai dengan kemahirannya yang mampu menempuh jarak perjalanan satu bulan dengan hanya memakan masa setengah hari sahaja (Az-Zuhaili, 2018). Manakala jin pula ditugaskan untuk membuat istana-istana, patung-patung ukiran, piring, kualiti dan periuk yang sangat besar ukurannya (Saba', 34:12). Hasil daripada kolaboratif semua pihak, segala tugas dapat berjalan dengan baik dan lancar serta menaikkan semangat dalam beribadat dan berjuang apabila melihat ukiran cantik yang dibuat oleh golongan jin ini di dalam masjid-masjid (Az-Zuhaili, 2018).

8.0 KESIMPULAN

Implikasi daripada kajian ini telah terhasil satu model kolaboratif yang boleh dijadikan panduan oleh guru-guru dalam memupuk kemahiran PAK21 murid-murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah khususnya. Model kolaboratif ini terbentuk daripada dua elemen penting iaitu elemen Kebergantungan Kepada Allah dan elemen Kerjasama Sesama Insan. Sebagai kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua elemen yang dikeluarkan daripada analisis kandungan al-Quran serta seterusnya mendapat kesepakatan pakar-pakar dalam pendidikan menerusi teknik Fuzzy Delphi, merupakan elemen terbaik dalam membangunkan kemahiran kolaboratif murid-murid dalam PAK21 Pendidikan Islam. Elemen kebergantungan kepada Allah S.W.T yang terhasil di dalam model ini merupakan satu keunikan dan keistimewaan dalam memupuk kemahiran kolaboratif murid-murid. Hal ini bercanggahan dengan kemahiran kolaboratif yang dicadangkan oleh para sarjana pendidikan Barat yang tidak menjadikan faktor ketuhanan sebagai sandaran asas dalam berkolaboratif. Justeru, hasil kajian ini sewajarnya menjadi asas panduan paling ideal untuk dipraktikkan oleh guru-guru Pendidikan Islam dalam mendidik murid-murid khususnya dalam PAK21 Pendidikan Islam.

9.0 RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad Ismail (1988). Terjemah Hadits Shahih Bukhari. In Klang Book Centre (Jilid I, I). Selangor Darul Ehsan.
- Al-Raghib Al-Isfahani. (2007). *Al-Mufradat Fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Alario-hoyos, C., Rosen, T., Nussbaum, M., Alario-hoyos, C., Read, F., & Hern, J. (2014). Silent collaboration with large groups in the classroom. *IEEE Transactions on Learning Technologies*, 7(2), 197–203. <https://doi.org/10.1109/TLT.2014.2318311>
- Az-Zuhaili, P. D. W. (2018). *Tafsir al-Munir: Aqidah, Syariah, & Manhaj*. Jakarta: Gema Insani.
- Bhat, S., Bhat, S., Raju, R., D'Souza, R., & K.G., B. (2020). Collaborative learning for outcome based Engineering Education: A Lean Thinking Approach. *Procedia Computer Science*, 172, 927–936. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.procs.2020.05.134>
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157(7), 879–891.
- Bonab, B. G., & Koohsar, A. A. H. (2011). Reliance on God as a core construct of Islamic psychology. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 216–220. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.10.043>
- Chan, S. C. H., Wan, C. L. J., & Ko, S. (2019). Interactivity, active collaborative learning, and learning performance: The moderating role of perceived fun by using personal response systems. *The International Journal of Management Education*, 17(1), 94–102. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.ijme.2018.12.004>
- Chang, P. L., Hsu, C. W., & Chang, P. C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production technologies. *International Journal of Hydrogen Energy*, 36(21), 14172–14179. <https://doi.org/10.1016/j.ijhydene.2011.05.045>
- Cheng, C.-H., & Lin, Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory. *European Journal of Operational Research*, 142, 174–186. [https://doi.org/10.1016/S0377-2217\(01\)00280-6](https://doi.org/10.1016/S0377-2217(01)00280-6)
- Cheung, R., & Vogel, D. (2013). Predicting user acceptance of collaborative technologies: An extension of the technology acceptance model for e-learning. *Computers and Education*, 63, 160–175. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2012.12.003>
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications*, 34(4), 2826–2840.
- Faisal Muhammad Nur. (2017). Perspektif zikir di kalangan sufi. *Jurnal Substantia*, 19(2), 189–198.
- Hernández-Sellés, N., Pablo-César Muñoz-Carril, & González-Sanmamed, M. (2019). Computer-supported collaborative learning: An analysis of the relationship between interaction, emotional support and online collaborative tools. *Computers & Education*, 138, 1–12. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.compedu.2019.04.012>
- Khairah@ Asma'a Baharun Saedah Siraj, & Ghani, M. F. A. (2017). Aplikasi pesanan segera mudah alih (mobile instant messaging) dalam pembelajaran kolaboratif: Satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 35–49.
- Laal, M., & Laal, M. (2012). Collaborative learning: What is it? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 31(2011), 491–495. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.12.092>
- Laal, M., Laal, M., & Kermanshahi, Z. K. (2012). 21st Century Learning: Learning in collaboration. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.06.885>
- Molinillo, S., Aguilar-Illescas, R., Anaya-Sánchez, R., & Vallespín-Arán, M. (2018). Exploring the impacts of interactions, social presence and emotional engagement on active collaborative learning in a social web-based environment. *Computers & Education*, 123, 41–52. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.compedu.2018.04.012>
- Murry Jr, J. W., & Hammons, J. O. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *The Review of Higher Education*, 18(4), 423–436.
- Normah Husin, Nor Azhan Norul 'Azmi, & M. M. D. (2017). Pembelajaran kolaboratif melalui aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran Nahu. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 4(1), 43–63.
- Pasukan Pemikir Pendidikan Abad Ke-21. (2017). Panduan pelaksanaan pendidikan abad ke-21. In Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia. Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Sam, H. K., & George Tan, G. S. (2011). The effectiveness of collaborative learning in the teaching of form four Mathematical reasoning. *Jurnal Teknologi*, 55(1), 55–73. <https://doi.org/10.11113/jt.v55.81>
- Sayyid Qutb. (2010). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn Bhd.
- Syeikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi. (2005). *Tafsir Sya'rawi*. Medan, Indonesia: Duta Azhar.
- Tan, H. C. (2019). Using a structured collaborative learning approach in a case-based management accounting course. *Journal of Accounting Education*, 49, 100638. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.jaccedu.2019.100638>
- Tang, C.-W., & Wu, C.-T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university. *Higher Education*, 60(3), 269–286.
- Van Laar, E., J.A.M. Van Deursen, A., Van Dijk, J. A. G. M., & De Haan, J. (2017). The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in Human Behavior*, 72, 577–588. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.03.010>
- Vuopala, E., Näykki, P., Isohätälä, J., & Järvelä, S. (2019). Knowledge co-construction activities and task-related monitoring in scripted collaborative learning. *Learning, Culture and Social Interaction*, 21, 234–249. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.lcsi.2019.03.011>